

19 OCT 2001

Belanjawan-Cuepacs

CUEPACS MINTA PENIAGA TIDAK AMBIL KESEMPATAN

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Peniaga-peniaga barangan pengguna diminta tidak mengambil kesempatan daripada pengumuman Belanjawan 2002, yang memberi bonus dan kenaikan gaji kepada 981,000 kakitangan awam, dengan menaikkan harga barangan perlu.

Presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam berkata jika mereka berbuat demikian, bonus dan kenaikan gaji itu tidak memberi manfaat kepada kakitangan awam.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini, mengumumkan bahawa kakitangan awam akan menikmati bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 dan kenaikan gaji 10 peratus tahun depan.

Cuepacs, sebagai badan induk untuk kesatuan sekerja kakitangan awam, menyambut menyambut baik "durian runtuh" untuk kakitangan awam itu, katanya.

Bagaimanapun, Siva Subramaniam kesal dengan langkah kerajaan menaikkan harga petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter mulai esok.

Beliau berkata ahli-ahli perniagaan tidak harus membebankan pengguna dengan kenaikan itu atau menggunakan kenaikan harga minyak sebagai alasan untuk menaikkan harga barangan sesuka hati.

Beliau berkata bonus dan kenaikan gaji yang diumumkan kerajaan menggambarkan komitmennya kepada kakitangan awam.

"Ini menunjukkan kerajaan mengambil berat tentang kakitangan awam terutamanya mereka dalam kumpulan berpendapatan rendah," katanya.

Bagi mereka yang berada dalam kumpulan berpendapatan rendah, bonus minimum RM1,000 adalah sama seperti dua bulan gaji, katanya.

"Cuepacs gembira dan berterima kasih kepada kerajaan di atas pemberian durian runtuh ini," katanya.

Siva Subramaniam meminta kakitangan awam supaya membelanjakan pendapatan lebih itu di dalam negara bagi merangsang ekonomi Malaysia.

Beliau berkata kakitangan awam harus berterima kasih kepada kerajaan dan membantu dalam usaha memulihkan ekonomi serta memberikan perkhidmatan yang baik kepada orang ramai.

Belanjawan 2002 juga memberikan kebenaran kepada balu pesara kerajaan untuk terus menikmati bayaran pencen suami mereka walaupun berkahwin semula.

Pada masa ini, balu yang berkahwin semula akan kehilangan pencen itu.

Kerajaan juga mengumumkan bahawa elaun tugas lebih masa bagi pegawai perubatan sektor awam akan dinaikkan antara 25 dan 50 peratus berkuatkuasa 1 Okt.

Kerajaan juga mengumumkan peruntukan RM1.08 bilion untuk membina perumahan bagi anggota tentera, polis dan kakitangan awam.

-- BERNAMA

DC ZS NAK